



Fakulti Alam Bina

JAWATANKUASA PERSEKITARAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

FAKULTI ALAM BINA, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR BAHRU

Penubuhan, pelaksanaan aktiviti Jawatankuasa Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi Malaysia adalah tertakluk kepada:

AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (OSHA 1994)

DAN

**PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN) 1996**

OBJEKTIF JAWATANKUASA

1. Memperkenalkan perundingan dan kerjasama di antara Majikan dan Pekerja;
2. Mewujudkan komunikasi dua hala;
3. Menambah minat dan motivasi di kalangan semua (dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan);

KEPENTINGAN JAWATANKUASA

Di antaranya:

1. Melibatkan individu daripada pelbagai peringkat dan bahagian dalam mencegah kemalangan dan penyakit;

2. Menganalisis pengalaman kemalangan dan mengadakan dasar (polisi);
3. Sentiasa berada di tempat kerja;
4. Mewujudkan kesedaran keselamatan dan kesihatan;

AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (OSHA 1994 -Seksyen 30)

1. Perlu diwujudkan jika:
 - Terdapat 40 pekerja atau lebih;
 - Atas arahan Ketua Pengarah (JKKP);
2. Keanggotaan, pemilihan atau perantikan sebagaimana yang ditetapkan;
3. Perundingan dengan majikan;

FUNGSI JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN (OSHA 1994-Seksyen 31)

1. Mengkaji semula langkah keselamatan dan kesihatan yang telah diambil;
2. Menyiasat perihal keselamatan dan kesihatan yang dianggap tidak selamat & dibawa kepada perhatian majikan;
3. Lain-lain fungsi yang boleh ditetapkan;

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN) 1996

Peraturan menggariskan:

- Komposisi;
- Pemilihan dan perantikan ahli;
- Kuasa;
- Lain-lain hal;

KANDUNGAN

1. Bahagian I- Permulaan (Preliminary);
2. Bahagian II- Komposisi Jawatankuasa (Composition of Safety and Health Committee);
3. Bahagian III- Fungsi Jawatankuasa (Functions of Safety and Health Committee);
4. Bahagian IV- Mesyuarat Jawatankuasa (Meetings of Safety and Health Committee);
5. Bahagian V- Peruntukan Latihan & Maklumat (Provisions of Training and Information);
6. Bahagian VI- Penalti (Penalty)

BAHAGIAN I-PERMULAAN (PRELIMINARY)

Tafsiran (Peraturan 2)

- Anggota (member)- anggota Jawatankuasa;
- Audit keselamatan (safety audits) - audit tentang loji dan sistem kerja;
- Juru audit keselamatan & kesihatan (safety and health auditors) - orang yang diambil kerja atau dilantik oleh majikan;
- Kemalangan nyaris (near-miss accident) - apa-apa kemalangan yang berpotensi menyebabkan kecederaan atau kerosakan;
- Pengurus yang diberikuasa (authorised manager) - seseorang yang diberikuasa oleh majikan.

Pemakaian (Seksyen 3)

- Sesuatu Jawatankuasa yang ditubuhkan dibawah Seksyen 30 Akta;
- Jawatankuasa yang dibentuk sebelum Peraturan hendaklah menyusunsemula dirinya mengikut Peraturan ini;

Kewajipan Majikan(Seksyen 4)

- Mematuhi Bahagian II & III Peraturan ini;

- Memastikan Bahagian IV dan V dipatuhi;

BAHAGIAN II-KOMPOSISI JAWATANKUASA (COMPOSITION OF SAFETY AND HEALTH COMMITTEE)

Keanggotaan (Peraturan 5)

- Pengerusi (Ketua Tertinggi dalam Organisasi)
- Setiausaha
 - Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) atau orang lain yang berkeelayakan dalam bidang keselamatan dan kesihatan
- Wakil-wakil majikan
- Wakil-wakil pekerja (minimum 2 or 4 bergantung kepada jumlah pekerja)

Perlantikan Pengerusi dan Setiausaha (Peraturan 6)

- Pengerusi
 - Majikan atau Pengurus tertinggi yang diberikuasa
- Setiausaha
 - Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO); atau
 - Dilantik oleh Pengerusi atau secara undian ahli jika tiada Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO);

Perlantikan Anggota Lain (Peraturan 7)

- Wakil Majikan dan Pekerja
 - Pencalonan dan undian(jika bilangan melebihi dari yang diperlukan); atau
 - Dilantik oleh majikan jika tiada wakil.
- Ahli tidak boleh didenda jika tidak hadir menjalankan kewajipan kerja biasa [Peraturan7(3)]

Perwakilan Pekerja Mencukupi (Peraturan 8)

- Mewakili pelbagai bahagian tempat kerja;

Kekosongan (Peraturan 9)

- Diisi sebagaimana cara yang telah dibuat dahulu ke atas anggota yang meletakkan jawatan.

Penyingkiran anggota (Peraturan 10)

- Gagal menghadiri mesyuarat tiga (3) kali berturut-turut;
- Didapati / diisytihar tidak sempurna akal;
- Bankrap;
- Tidak lagi bekerja di tempat kerja;
- Disabitkan dengan kesalahan (fraud, keselamatan dan kesihatan atau jenayah lain);
- Tidak dapat / berupaya menunaikan kewajipan sebagai anggota.

BAHAGIAN III- FUNGSI JAWATANKUASA (FUNCTION OF SAFETY AND HEALTH COMMITTEE)

Fungsi Jawatankuasa(Peraturan 11)

- Membantu dalam pembuatan kaedah dan sistem kerja selamat;
- Mengkaji semula keberkesanan program keselamatan dan kesihatan;
- Menjalankan kajian tentang trend kemalangan, kejadian dan penyakit ;
- Melapor keadaan dan amalan tidak selamat dengan cadangan pembaikan;
- Mengkaji semula dan memberi cadangan ke atas dasar keselamatan dan kesihatan.

Pemeriksaan Tempat kerja (Peraturan 12)

Sekurang-kurangnya 3 bulan sekali;

- Bincang & rekod pemerhatian dalam laporan;
- Buat cadangan pada majikan dan
- Rekod dalam laporan.

Penyiasatan Kemalangan (Peraturan 13)

- Seberapa segera yang selamat;
- Pengerusi memanggil mesyuarat;
- Bincang sebab & buat cadangan.

Tindakan ke atas laporan dan cadangan Jawatankuasa (Peraturan 14)

- Majikan / Pengurus yang diberikuasa bincang laporan / cadangan;
- Pegawai Keselamatan dan Kesihatan / Pengerusi merekod keputusan; & Mengarah orang yang diambil pekerja mengambil tindakan;
- Majikan menyimpan salinan laporan selama tempoh minimum 7 tahun.

Perkara Yang Dipertimbangkan Oleh Jawatankuasa (Peraturan 15)

- Laporan lain yang dikemukakan oleh Pegawai Keselamatan & Kesihatan;
- Audit keselamatan yang dikemukakan oleh juru audit keselamatan & kesihatan;
- Laporan & maklumat sebenar oleh Pegawai Keselamatan & kesihatan; dan
- Laporan oleh agensi kerajaan yang lain.

Penyiasatan Aduan (Peraturan 16)

Majikan hendaklah:

- Mengada & menyenggara suatu sistem komunikasi;
- Melayan aduan & mengambil langkah segera;

- Merujuk aduan kepada Jawatankuasa atau
 - Pekerja boleh membuat aduan kepada Jawatankuasa;

Jawatankuasa menyiasat, menyediakan laporan & memberi cadangan kepada majikan.

Penyelesaian Aduan(Peraturan 17)

- Majikan hendaklah melaksanakan cadangan dengan seberapa segera yang praktik;
- Jawatankuasa:
 - Perlu diberitahu alasannya jika cadangan tidak dapat dilaksanakan;
 - Boleh meminta Ketua Pengarah menjalankan pemeriksaan jika tidak bersetuju.
- Perlu kemukakan kepada Ketua Pengarah:
 - Laporan pemeriksaan / penyiasatan;
 - Cadangan Jawatankuasa kepada majikan;
 - Dokumen / maklumat berkaitan; (dalam dua salinan)

Bantuan Jawatankuasa (Peraturan 18)

Membantu majikan dalam aspek:

- Apa-apa pertandingan;
- Ceramah dan
- Kegiatan lain yang berkaitan dengan keselamatan & kesihatan;

Kaedah Tentang Keselamatan & Kesihatan (Peraturan 19)

- Majikan berunding dengan Jawatankuasa menyedia & memperkenalkan kaedah;
- Kaedah boleh dipinda, diubah atau dimansuh oleh Jawatankuasa;
- Salinan kaedah diberi kepada setiap pekerja;
- Satu salinan diberi kepada Pegawai Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan apabila diminta.

Jawatankuasa Kecil (Peraturan 20)

- Boleh dibentuk untuk membantu Jawatankuasa melaksanakan fungsi-fungsinya;

BAHAGIAN IV-MESYUARAT JAWATANKUASA (MEETINGS OF SAFETY AND HEALTH COMMITTEE)

Kekerapan Mesyuarat (Peraturan 21)

- Sekerap yang perlu setara dengan risiko di tempat kerja;
- Tidak kurang daripada tiga bulan (3) sekali;
- Anggota diberi notis bertulis serta salinan agenda;
- Mesyuarat dipanggil dengan serta merta jika berlaku kemalangan,

Kewajipan Untuk Menyediakan Kemudahan (Peraturan 22)

- Majikan perlu:
 - Menyediakan suatu tempat yang sesuai; dan
 - Membenarkan tiap anggota menghadiri mesyuarat semasa waktu bekerja.

Mesyuarat Sulung (Peraturan 23)

- Dipanggil oleh Majikan / Pengurus yang diberikuasa;
- Memberitahu dasar, pelan dan cadangan;

Kuorum (Peraturan 24)

- Tidak kurang daripada satu perdua anggota (tidak termasuk Pengerusi dan Setiausaha)

Bukan Anggota boleh menghadiri Mesyuarat (Peraturan 25)

- Yang terlibat dalam Kemalangan;
- Orang-orang lain;

Perkara yang dibincangkan (Peraturan 26)

- Berkaitan dengan keselamatan & Kesihatan;

Minit Mesyuarat (Peraturan 27)

- Diberi kepada setiap anggota dalam masa dua (2) minggu selepas mesyuarat;
- Salinan minit disimpan selama minimum 7 tahun;
- Diberi kepada Pegawai Keselamatan & Kesihatan (SHO) apabila dikehendaki;

BAHAGIAN V - PERUNTUKAN LATIHAN & MAKLUMAT (PROVISIONS OF TRAINING AND INFORMATION)

Kewajipan Majikan:

- Memastikan anggota berkefahaman & berpengetahuan tentang fungsi-fungsi Jawatankuasa (**Peraturan28**);
- Mengambil langkah yang semunasabahnya praktik untuk menyediakan latihan mencukupi (**Peraturan 29**);
- Memberi dokumen & maklumat relevan (**Peraturan 30**) merangkumi;
 - Akta & segala perundangan;
 - Tataamalan & garis panduan industri;
 - Maklumat rancangan keselamatan & perlaksanaan;
 - Maklumat teknikal tentang bahaya & langkah pencegahan;
 - Maklumat tentang prosedur pengendalian, sistem kerja dan sebagainya;
 - Maklumat lain yang diarah oleh Ketua Pengarah JKKP

Maklumat Tidak Boleh Dibekalkan (Peraturan 31)

Majikan tidak boleh memberikan maklumat seperti berikut kepada Jawatankuasa:

- Pendedahan akan memudaratkan kepentingan negara;
- Tidak dapat didedahkan tanpa melanggar suatu larangan yang dikenakan di bawah mana-mana undang – undang bertulis;
- Khusus berkenaan sesorang individu melainkan dengan izin;
- Menjejas pengusahaan majikan; atau
- bagi maksud memulakan, mendakwa atau membela apa-apa prosiding undang-undang.

BAHAGIAN VI – PENALTI (PENALTY)


Penalti (Peraturan 32)

Sesiapa yang melanggar mana-mana Peruntukan jika disabit kesalahan boleh:

- Didenda RM 5,000 atau
- Enam bulan penjara atau
- Kedua-duanya sekali

Disediakan oleh:

Setiausaha FAB OHSEC



.....
Sr. Dr. Mohd Saidin Misnan

Disahkan oleh:

Pengerusi FAB OHSEC

.....
P.M. Dr. Mohamed Rashid b. Embi, Timb. Dekan (P&I) FAB.

Updated 010615